

PROGRAM Latihan Khidmat Negara (PLKN) dilaksanakan pada 16 Februari 2004. Idea untuk mengadakan 'kerahan tenaga' dicetuskan dalam Kongres Patriotisme Negara pada 24 Oktober 2002.

ia dihadiri Menteri-Menteri, Timbalan Menteri, Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat (dari kerajaan dan pembangkang), Menteri-Menteri Besar, Setiausaha Parlimen, Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, Polis Di Raja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia serta pelbagai golongan masyarakat termasuk individu, pelajar, pesara, ahli korporat, ahli akademik dan badan berkanun.

Peserta kongres mencadangkan supaya kerajaan melaksanakan program 'kerahan tenaga' untuk menyediakan golongan muda bagi menghadapi cabaran dari dalam dan luar negara, menangani perubahan-perubahan teknologi baru, globalisasi, desakan badan bukan kerajaan antarabangsa yang 'tidak demokratik' dan lain-lain.

la juga dapat menanam semangat kesukarelaan kepada golongan muda memandangkan terdapatnya perkaitan antara ketiadaan sikap kesukarelaan menyebabkan banyak persatuan yang tidak aktif selain menyatupadukan golongan muda dari pelbagai kaum.

Peserta Kongres Patriotisme Negara menganggap program sedemikian dapat mempertingkatkan semangat patriotisme golongan muda yang merupakan aset negara.

Sejarah penubuhan PLKN

Sehubungan itu, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kerahan Tenaga (JKMKT) ditubuhkan pada 30 Oktober 2002. JKMKT mendapatkan maklumbalas daripada rakyat dan membuat beberapa perbincangan dengan pelbagai pihak sebelum keputusan dibuat tentang pelaksanaan program itu.

Antara tindakan kerajaan termasuk:


(1) Menjalankan kajian di kalangan ibu bapa dan pelajar mengenai Program Khidmat Negara. Dapatan kajian menunjukkan 98.4 peratus ibu bapa dari pelbagai kaum bersetuju dengan program itu; 93 peratus bersetuju program itu dijalankan secara berasrama; 80.4 peratus bersetuju supaya melibatkan kedua-dua lelaki dan perempuan.

Dari segi tempoh program, 50 peratus dari lain-lain kaum mencadangkan jangka masa enam bulan manakala 43.1 peratus kaum Melayu mencadangkan tempoh yang sama. Dan 41.7 peratus kaum Cina mencadangkan tiga bulan.

Tiga objektif utama program yang dipersetujui ialah patriotisme, perpaduan dan disiplin.

(2) Mendapatkan pandangan dari badan-badan bukan kerajaan dan parti politik.

(3) Mengkaji pelaksanaan program-program kerahan tenaga dan khidmat negara di negara-negara lain.



Latihan yang ada meningkatkan jati diri belia negara.

(4) Menukarkan istilah 'kerahan tenaga' kepada 'khidmat negara'.

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 30 Oktober 2002 bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Khidmat Negara yang dipengerusikan oleh Menteri Pertahanan.

Jawatankuasa tersebut mengkaji perkara-perkara berkaitan perundangan, kurikulum, kemudahan-kemudahan dan peruntukan kewangan yang diperlukan bagi pelaksanaan PLKN.

Kumpulan sasaran yang dikenal



Kerjasama berpasukan turut diterapkan dalam setiap aktiviti dalam PLKN. *Star 21/2011 MS 3.*

pasti untuk menyertai program itu terdiri daripada remaja yang lahir pada 1986, atau lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berumur 18 tahun pada 2004.

Sebuah Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kerahan Tenaga (JKMKT) dibentuk oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Oktober 2002 untuk mengkaji keperluan pelaksanaan Kerahan Tenaga ini.

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Menteri Pertahanan dan dianggotai oleh tujuh Menteri, seorang Penasihat Perdana Menteri yang bertaraf Menteri dan lima Timbalan Menteri.

JKMKT dalam mesyuarat pertama pada 12 November 2002 menerima penggunaan istilah

Khidmat Negara bagi menggantikan istilah Kerahan Tenaga.

Jemaah Menteri pada 28 Mei 2003 meluluskan cadangan pelaksanaan Program Khidmat Negara dan Akta Latihan Khidmat Negara 2003.

Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-Undang Akta Latihan Khidmat Negara pada 25 Jun 2003 manakala Dewan Negara meluluskan Rang Undang-Undang yang sama pada 7 Julai 2003.

Sejajar dengan hasrat kerajaan untuk melaksanakan PLKN tersebut, Jabatan Latihan Khidmat Negara ditubuhkan di bawah Kementerian Pertahanan yang berfungsi sebagai agensi pelaksana.

> Lagi cerita di muka 4

Menuju sifar kontroversi

Oleh IZRA ABD RAHMAN
izra@thestar.com.my

Star 21/2011
MSH

PLKN yang masuk tahun ketujuh penganjurannya pada tahun ini telah melalui pelbagai pencapaian. Di awal pelaksanaannya, ada yang menganggap ia sebagai program kerahan tenaga sebagaimana yang dilaksanakan di luar negara dan menjadi cabaran terbesar Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) memberi gambaran positif mengenainya kepada masyarakat.

Hal ini diakui oleh Ketua Pengarah PLKN, Datuk Abdul Hadi Awang Kechil.

Menurut Abdul Hadi, landskap PLKN hari ini mengalami perubahan mendadak, berbeza dengan penganjurannya pada peringkat awal.

"Dulu masyarakat anggap PLKN sebagai program paksa, tapi saya lebih suka kata PLKN sebagai satu kelebihan dan keistimewaan.

"Hari ini, remaja dan ibu bapa tidak lagi melihat ia sebagai beban sebaliknya mereka menganggapnya sebagai program idaman," katanya kepada *Mingguan mStar*.

Abdul Hadi berkata, penerimaan baik masyarakat dapat dilihat bukan sahaja melalui peningkatan pelatih, tetapi juga peningkatan jumlah pelatih yang memohon secara sukarela.

Pada tahun 2011, JLKN mengambil seramai 140,000 pelatih berbanding 120,000 pada 2010.

"Paling membanggakan, apabila JLKN turut menerima 2,000 penyertaan secara sukarela tahun ini.

"Saya lihat angka ini adalah perubahan mendadak dalam PLKN. Setiap hari ada sahaja ibu bapa yang datang mendaftarkan anak mereka sebagai pelatih," katanya.

Menurut Abdul Hadi, pengambilan pelatih dibuat secara rawak melalui sistem komputer dan menyebabkan ada segelintir yang benar-benar ingin menyertai program tidak tersenarai.

Jelasnya, buat masa ini perkara itu tidak dapat dielakkan memandangkan kerajaan telah menetapkan kuota untuk setiap pengambilan bagi memastikan pelatih yang



Abdul Hadi (tiga dari kanan) beramah mesra dengan pelatih di Kem PLKN Batu Jong, Kampung Batu Jong, Kuala Krai, Kelantan.

terpilih dapat mengikuti program dengan selesa dan berkesan.

Sehingga kini terdapat 79 kem PLKN di seluruh negara dengan dua kem telah diisytiharkan mendapat persijilan ISO 9002:2008.

Atasi kelemahan

Abdul Hadi turut menegaskan pihaknya tidak akan mudah berpuas hati dengan perubahan positif tersebut sebaliknya akan menggiatkan usaha memberi khidmat terbaik.

Tahun 2011 menyaksikan beberapa penambahbaikan dibuat termasuk pemantauan kebersihan dan keselamatan sajian secara talian di setiap kem dengan penjimatan tahunan sebanyak RM1.44 juta.

"JLKN juga akan memasukkan 30 kem dalam Sasaran Kerja 2011 bagi mendapatkan sijil ISO selepas Kem Setia Ikhlas, Semenyih dan Kem Princes Haliza mendapat pengiktirafan tersebut," katanya.

Selain itu, usaha mendapatkan status

tetap untuk jurulatih juga sedang dibuat bagi memastikan kedudukan mereka lebih mantap dan dapat memberi perkhidmatan lebih baik.

Kad Pintar PLKN, penambahbaikan modul, penubuhan Sekretariat Alumni PLKN dan melantik Pembantu Perubahan di setiap kem juga dibuat untuk keselesaan dan impak positif kepada pelatih.

Dalam pada itu, Abdul Hadi juga tidak menafikan bahawa cabaran tetap ada dalam menguruskan program termasuklah cabaran menyeimbangkan objektif PLKN dengan persepsi negatif ibu bapa.

"Masalah ini timbul bila terdapat kepelbagaian latar belakang pelatih dan masyarakat. Ini perkara biasa dan dalam masa yang sama kita cuba dapatkan persefahaman masyarakat.

"Saya juga melihat isu-isu kecil sebagai penggerak JLKN untuk membuat penambahbaikan," tegasnya.

Apa yang pasti katanya, setiap latihan dan modul yang diketengahkan dapat dijadikan sebagai tanda aras dalam menilai manfaat yang diterima pelatih.

Kem PLKN Princess Haliza terima ISO

Oleh AU YEONG HOW
yeonghow@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Princess Haliza Sepang menerima persijilan MS ISO 9001:2008 baru-baru ini selepas pihak pengurusan kem mengamalkan empat prosedur sistematis.

Empat prosedur tersebut melibatkan pengurusan hal ehwal pelatih, proses pengurusan logistik, pengurusan prasarana dan makanan selain pengurusan latihan (training method).

Komandan Kem tersebut, Mejar Muhamad Basri Abd Rahman berkata, kem tersebut mendapat ISO itu pada Oktober 2010, dan baru mendapat sijil ISO pada minggu ketiga bulan Disember.

Menurutnya, sebanyak dua kem memperolehi pengiktirafan sedemikian setakat ini dengan kem Setia Ikhlas, Semenyih turut mendapat persijilan tersebut pada masa yang sama.

"Agak sukar untuk memperolehi ISO, kerana setiap prosedur hendaklah didokumentasikan. Kita perlu ikut setiap proses dalam prosedur tersebut. Kita kena buat proses satu persatu," katanya kepada *Mingguan MStar*, baru-baru ini.

Muhamad Basri memberitahu, sebelum kem itu memperolehi ISO, pihaknya mengikuti prosedur operasi standard (SOP) dalam menguruskan aktiviti-aktivitinya.

"Daripada SOP tersebut, kami jadinya ISO dengan menambahkan lagi prosedur dan semua prosedur direkodkan. Semua prosedur mempunyai laporan. Aspek kualiti ada laporan. Sakit pun kena ada borang," katanya.

Mengulas lanjut mengenai prosedur pertama iaitu pengurusan hal ehwal pelatih, Muhamad Basri berkata, ia bermula sejak kem mendapat senarai pelatih yang akan mendaftarkan diri.

Kem Cancun Park siap menunggu pelatih

Oleh AU YEONG HOW

yeonghow@thestar.com.my

BEBERAPA bulan sebelum kemasukan pelatih-pelatih Pogram Latihan Khidmat Negara (PLKN) hari ini, semua kem di seluruh negara sibuk membuat persiapan untuk memastikan ia sentiasa berada dalam keadaan terbaik.

Adalah menjadi tanggungjawab komandan kem untuk bekerjasama dengan operator kem di seluruh negara membuat persiapan rapi serta mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN).

Pengarah Zon G (Kelantan dan Terengganu) PLKN merangkap Komandan Kem Cancun Park, Leftenan Kolonel, Zahri Harun berkata, sebelum pelatih mendaftarkan diri, pihaknya perlu memeriksa semua infrastruktur di kem berada dalam keadaan terbaik.

"Sebagai komandan, saya perlu menjalankan pemeriksaan tersebut supaya mematuhi *Schedule of Compliance (SOC)* / *Jadual Pematuhan*," katanya kepada *Mingguan MStar* baru-baru ini.

Zahri telah menjadi komandan kem yang terletak di Pasir Mas, Kelantan itu sejak 2008. Ia dibina pada tahun 2005. Kem Cancun Park mempunyai 20 jurulatih fizikal yang mengendalikan asas kawad, tali tinggi, asas pertahanan diri dan kraf hutan.

Seperti lain-lain kem, ia turut mempunyai 20 jurulatih multiskil yang menguruskan modul kenegaraan, modul pembinaan karakter, modul khidmat komuniti dan modul budaya kerjaya yang diperkenalkan pada sesi kemasukan terbaru ini.

Di atas kertas, sebanyak 451 pelatih yang majoritinya baru selesai menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dijadualkan mendaftarkan diri pada sesi



Kem PLKN Cancun Park di Mukim Bukit Tuku, Daerah Cancun, Lubok Jong, Pasir Mas, Kelantan.

kemasukan kali ini.

Mengulas lanjut peranannya sebagai komandan kem, Zahri memberitahu, beliau akan melakukan pemeriksaan awal (*pre-inspection*) selepas operator kem menyediakan segala kemudahan.

"Sebelum itu, operator kem akan mengatasi masalah yang saya bangkitkan dan mereka akan melakukan langkah penyelesaian terbaik.

"Kemudian, dalam tempoh kurang seminggu dari tarikh pendaftaran, saya akan melakukan pemeriksaan akhir. Ketika itu, semua kemudahan seharusnya berfungsi dengan baik," katanya.

Tambah Zahri, operator kem perlu mengemukakan Sijil Selamat Guna bagi segala kemudahan latihan kepadanya sebelum ia dibenarkan menerima pelatih.

Ujarnya, para pekerja di dewan makan perlu menunjukkan sijil perakuan menunjukkan mereka telah menerima suntikan kesihatan dan menjalani kursus



Antara pelatih yang menjalani latihan di Kem Cancun Park, Pasir Mas.

pengendalian makanan yang diiktiraf Kementerian Kesihatan.

"Mereka ialah penjaga atau *care-taker* atau *custodians of the camp*. Saya perlu memastikan kemudahan latihan selamat digunakan.

"Setelah semuanya selesai, baru kami bersedia menerima pelatih," ujarnya.

Apabila mereka tiba, pelatih akan menjalani tapisan kesihatan dan pemeriksaan doktor.

"Ini penting bagi memastikan mereka betul-betul sihat, dan bersedia untuk latihan," katanya.

Dalam tempoh latihan, pelatih akan menyertai syarahan anti dadah oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), kerjaya dan kewangan.

Mereka turut berpeluang mendaftar untuk menyertai Askar Wataniah, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) dan Ikatan Relawan Rakyat (Rela) selepas tamat kursus PLKN kelak.

Katanya, segala proses seperti pemberian pakaian, pemotongan rambut sehinggalah pelatih pulang ke rumah akan didokumentasikan.

"Prosedur kedua ialah proses pengurusan logistik. Kita mula dari saat kita mendapat barang dan kemudiannya mengagihkan kepada pelatih. Contohnya, pakaian berceloreng perlu didaftarkan kerana ia merupakan barang kawalan. Semuanya kena direkodkan," ujarnya.

Muhamad Basri menambah, pengurusan prasarana dan makanan menuntut komitmen tinggi daripada pengusaha kem.

Katanya, sekiranya pengusaha kem tidak berapa bagus, adalah agak sukar untuk memenuhi prosedur tersebut bagi mencapai standard ISO.

"Bagi kem saya, saya mempunyai kerjasama yang rapat dengan operator. Operator kem kena mengikut *Schedule Of Compliances (SOC)*," jelas beliau.

Sementara itu, Muhamad Basri memberitahu, untuk pengurusan latihan, pihaknya akan mengemaskinikan satu-persatu jadual latihan hingga tamat sesi latihan.

Menurutnya, modul-modul itu mempunyai prosedur-prosedur tentang latihan keselamatan yang perlu diikuti oleh semua jurulatih.

Untuk memastikan setiap prosedur diikuti, Muhamad Basri akan menemuramah para pelatih sama ada jurulatih terbabit memberikan sesuatu arahan kepada mereka.

Sejumlah 570 orang pelatih baru akan memulakan latihan mereka di Kem PLKN Princess Haliza Sepang ini mulai hari ini dengan diselia oleh 40 jurulatih fizikal dan multiskil.

Alumni sebagai kesinambungan PLKN

Star 21/1/2011 MS 5.

Oleh IZRA ABD RAHMAN
izra@thestar.com.my

KETUA Sekretariat Alumni PLKN Mohd Syafik Mohd Taufik, 24, tidak menafikan keputusan kerajaan mewujudkan sekretariat ini adalah tepat dan telah lama ditunggu-tunggu bekas pelatih PLKN.

Beliau yang dilantik oleh Kementerian pada 27 September lalu berkata sekretariat yang diwujudkan dapat dijadikan platform dan panduan untuk bekas pelatih berhubung dan meneruskan perjuangan.

"Sebenarnya, mereka masih berhubung selepas tamat program, tapi hanya melibatkan pelatih sesama kem. Mereka anjurkan 'reunion', berkelah dan aktiviti lain untuk tujuan suka-suka," katanya kepada *Mingguan mStar*.

Mohd Syafik berkata, keputusan jemaah menteri menubuhkan sekretariat khas menunjukkan JLN sedar akan keperluan dan kepentingan mewujudkannya.

Seramai 22 ahli jawatankuasa peringkat induk telah dilantik pada September lalu, manakala 10 ahli jawatankuasa bekas pelatih dilantik di setiap kem pada 9 Oktober 2010.

"Di peringkat induk tumpuan akan diberikan terhadap hala tuju dan mengawal selia pergerakan alumni serta aktiviti di peringkat nasional dengan Ketua Pengarah PLKN sebagai penasihat.

"Yang mengumpul dan menggerakkan aktiviti untuk bekas pelatih adalah ahli jawatankuasa yang ditempatkan di kem-kem latihan," katanya.



Pelatih yang baru tiba ke kem latihan bakal ditempatkan di asrama yang disediakan.

Jelasnya penubuhan sekretariat penting sebagai kesinambungan terhadap apa yang dipelajari di kem.

"Hampir 80 peratus pelatih berjaya ubah diri mereka menjadi lebih baik. Selepas tamat latihan, tak patut biarkan mereka begitu saja.

"Sekurang-kurangnya perlu ada platform yang dapat bantu mereka secara berterusan. Jika di kem mereka didedahkan dengan Modul Khidmat Komuniti, melalui aktiviti sekretariat mereka dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan," katanya.


Pernah memegang jawatan Penghulu Kem di Kem Ulu Pari, Rembau, Negeri Sembilan bagi Kumpulan Kedua, Siri 1 2004, Mohd Syafik berkata beberapa program telah dianjurkan sejak sekretariat ini ditubuhkan.

Program tersebut termasuklah Jamuan Hari Raya dan Perjumpaan Semula Bekas Pelatih PLKN yang diadakan secara serentak di 79 kem PLKN pada Oktober lalu, aktiviti membantu mangsa banjir di Perlis dan jamuan bersama syarikat pembekal Kad Pintar PLKN.

"Ketika jamuan hari raya seramai 20,000 bekas pelatih berjaya dikumpul. Ada yang sanggup ke kem PLKN yang jauh dari rumah mereka walaupun penginapan dan kenderaan tak disediakan.

"Seramai 200 bekas pelatih juga secara sukarela telah membantu mangsa banjir di Perlis dengan melibatkan sukarelawan dari Kuala Lumpur dan Kedah," katanya.

Mengulas tentang Kad Pintar PLKN yang diperkenalkan pada tahun ini, kad tersebut adalah medium yang menghubungkan



Mohd Syafik menunjukkan Kad Pintar PLKN yang diperkenalkan kepada pelatih PLKN tahun 2011. Bekas pelatih PLKN di seluruh negara juga berpeluang mendapatkan kad ini dengan membuat pendaftaran di laman web www.1plkn.com.my.

semua bekas pelatih PLKN di seluruh negara.

Sebaik pendaftaran kad dibuat di laman web www.1plkn.com.my, bayaran sebanyak RM20 akan dikenakan.

"Selain dapat mengeluarkan elaun, pemegang kad juga dapat mengetahui maklumat terkini dan aktiviti sekretariat.

"Kad ini juga membolehkan pelatih dan bekas pelatih PLKN mendapat diskaun pembelian di outlet terpilih," katanya yang sudah mendaftar sebagai pemegang Kad Pintar PLKN.

Mohd Syafik yang ragu-ragu untuk mengikuti PLKN ketika



mendapat tawaran pada 2004 akhirnya berasa bangga dan bertuah kerana terpilih mengikuti program itu.

Selepas tamat latihan beliau sedar program ini banyak memberi manfaat kepada peserta, termasuklah mengeratkan hubungan sesama pelatih tanpa mengira bangsa, kaum dan agama.

"PLKN menawarkan modul dan latihan yang sesuai dengan umur peserta selain menguji kekuatan mental dan fizikal.

"Bagi saya, mereka yang tak suka dengan PLKN adalah mereka yang tak menghayati perjalanan program," ujarnya.

Beliau menasihatkan mereka yang terpilih untuk menyertai PLKN supaya tidak melepaskan peluang itu.

"Tak ada apa yang perlu dirungsingkan. Semuanya sudah



tersedia di sana. Anda yang terpilih adalah yang istimewa," ujar graduan lulusan perakaunan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) ini.

Beliau juga berharap agar kuota kemasukan dapat ditambah bagi memberi peluang kepada lebih ramai pelatih memasuki PLKN.

Ibu bapa dan saudara mara pelatih PLKN menunggu di tempat khas yang disediakan untuk membawa pelatih terpilih ke kem yang menempatkan mereka sepanjang tempoh latihan.

Pengambilan PLKN Kumpulan 1 Siri 8/2011, Kaunter Khidmat Pelanggan dan Call Center JLN akan beroperasi tujuh hari seminggu bermula 11 Disember 2010 hingga 8 Januari 2011 dari pukul 9 pagi hingga 4 petang.

Tarikh kemasukan Pelatih PLKN Siri 8/2011 :

Kumpulan 1 : 2 Jan 2011 - 13 Mac 2011

Kumpulan 2 : 1 Mei 2011 - 16 Julai 2011

Kumpulan 3 : 10 Sept 2011 - 2 Dec 2011

Untuk sebarang pertanyaan berkenaan KAD PINTAR PLKN, sila hubungi :

No. Telefon : 03-4143 5022
No. Faks : 03-4131 3033